

2 panda 'berhijrah' ke Malaysia

Kuala Lumpur: Malaysia bersedia menerima kehadiran panda gergasi yang dipinjamkan kerajaan China apabila tiga eksibit khas di Kompleks Giant Panda di Zoo Negara, di sini, siap sepenuhnya.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri G Palanivel berkata, kompleks bernilai RM25 juta bersedia menerima kemasukan Fu Wa (panda jantan) dan Feng Yi (panda betina) April ini.

"Kompleks berkeluasan 1.6 hektar itu dilengkapi tiga ruang eksibit utama dengan suhu di bawah 24 darjah Celsius yang menyamai habitat asalnya.

"Ia turut dilengkapi kawasan senaman, kurungan malam, ruang penyediaan makanan, makmal, bilik veterinar, inkubator, nurseri, air terjun dan bilik pemantauan keselamatan bagi memastikan panda gergasi itu hidup dengan sempurna," katanya pada sidang media ketika melawat Kompleks Giant



PETUGAS Zoo Negara sibuk membuat persiapan terakhir.

Panda, di sini, semalam.

Turut hadir Presiden Zoo Negara Datuk Zaharin Md Arif.

Palanivel berkata, pada April ini, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Datuk Seri Dr James Dawos Mamit bersama beberapa pegawai akan ke Chengdu, China bagi membawa pulang haiwan itu yang akan diterbangkan khas oleh MASKargo tanpa

sebarang bayaran.

Katanya, kos pembinaan ruang kurungan panda itu sebahagian besar disumbangkan 1Malaysia Development Berhad (1MDB), manakala kos lain membitkan yuran pemuliharaan AS1 juta (RM3.2 juta) setahun kepada China bagi tempoh 10 tahun, iaitu kadar sama ditetapkan kepada negara lain